



9 September 2011
9 September 2011
P.U. (A) 319

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TATACARA JENAYAH (KADAR BAYARAN KEPADA SAKSI) 2011

CRIMINAL PROCEDURE (RATES OF PAYMENT TO WITNESSES) RULES 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TATACARA JENAYAH

KAEDAH-KAEDAH TATACARA JENAYAH (KADAR BAYARAN KEPADA SAKSI) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 428 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], seksyen 16 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 4 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [Akta 55], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara Jenayah (Kadar Bayaran kepada Saksi) 2011.**

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “pihak berkuasa yang berkaitan” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang menjalankan penyiasatan dalam sesuatu kes.

Ketidakpakaian

3. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi pekhidmat awam yang dikehendaki untuk hadir di mahkamah sebagai saksi dalam tugas rasminya dan dalam hal itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 hendaklah terpakai.

Kadar bayaran

4. (1) Kadar bayaran perbelanjaan dan pampasan yang diarahkan di bawah seksyen 427 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Walau apa pun subkaerah (1), jika tempat kediaman seseorang saksi itu kurang daripada lima puluh kilometer dari mahkamah, saksi itu tidak berhak untuk menuntut apa-apa perbelanjaan bagi hotel atau rumah penginapan.

(3) Seseorang saksi yang membuat perjalanan melalui udara hendaklah dibayar tambang penerbangan kelas ekonomi, sama ada sehala atau pergi balik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Saksi pakar

5. (1) Seseorang saksi yang memberikan pernyataan sebagai pakar di mahkamah boleh dibayar fi sebanyak satu ratus ringgit sebagai tambahan kepada perbelanjaan dan pampasan yang dibayar kepadanya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Mahkamah hendaklah menentukan sama ada seseorang saksi memberikan pernyataan sebagai seorang pakar atau selainnya.

Saksi boleh ditemani oleh ibu atau bapa, saudara atau penjaga

6. (1) Seseorang saksi –

- (a) di bawah umur lapan belas tahun;
- (b) yang kurang upaya; atau
- (c) yang sakit,

boleh ditemani oleh ibu atau bapa, seorang saudara atau seorang penjaganya, dan ibu atau bapa, saudara atau penjaga itu boleh dibayar amaun kadar bayaran yang sama kepada saksi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual seolah-olah ibu atau bapa, saudara atau penjaga itu sendiri merupakan saksi.

(2) Saksi kurang upaya yang disebut dalam perenggan (1)(b) hendaklah merupakan orang yang terangkum dalam takrif orang kurang upaya di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685].

Bayaran perbelanjaan dan pampasan

7. (1) Bayaran perbelanjaan dan pampasan yang disebut dalam kaedah 4 dan 6, dan bayaran fi yang disebut dalam kaedah 5 hendaklah dibuat kepada saksi atau kepada ibu atau bapa, saudara atau penjaga saksi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

(2) Pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah, sebelum membuat apa-apa bayaran di bawah subkaedah (1), menghendaki saksi atau ibu atau bapa, saudara atau penjaga saksi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengemukakan saman kepada saksi yang telah diendorskan oleh mahkamah sebagai bukti kehadiran atau apa-apa dokumen berkaitan yang lain untuk menyokong permohonan yang dibuat.

Penyenggaraan daftar

8. Pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah menyenggara suatu daftar mengenai apa-apa bayaran, butiran, dokumen dan apa-apa perkara lain berhubung dengan Kaedah-Kaedah ini mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Pentafsiran sebutan kepada bayaran saksi

9. Semua sebutan kepada bayaran saksi dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini, ditafsirkan sebagai sebutan kepada kadar bayaran kepada saksi.

Pembatalan

10. Kaedah-Kaedah Acara Jenayah (Bayaran Saksi) 1954 yang disiarkan dalam *L.N. 658/1954* dibatalkan.

JADUAL

(Kaedah 4)

PERBELANJAAN		PAMPASAN	
JARAK BAGI PERJALANAN (RM)	KADAR HOTEL SEHARI (RM) (SEMENANJUNG MALAYSIA / SABAH DAN SARAWAK)	RUMAH PENGINAPAN SEHARI (RM) (SEMENANJUNG MALAYSIA / SABAH DAN SARAWAK)	KADAR BAYARAN SEHARI (RM) (SEMENANJUNG MALAYSIA / SABAH DAN SARAWAK)
0.50 sen setiap kilometer atau kadar sebenar berdasarkan resit bagi tambang teksi /bas /kereta api sahaja	Berdasarkan kadar sebenar tetapi tidak melebihi 160.00 / 170.00	55.00 / 60.00	50.00 / 65.00

Dibuat 8 September 2011
[JK/MP 322 Jld. 10; PN(PU2) 224/VI]

TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
Ketua Hakim Negara, Malaysia

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL
Peguam Negara, Malaysia

TAN SRI ARIFIN BIN ZAKARIA
Hakim Besar di Mahkamah Tinggi di Malaya

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM
Hakim Besar di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

TAN SRI JAMES FOONG CHENG YUEN
Hakim Mahkamah Persekutuan

DATO' JEFFREY TAN KOK WHA
Hakim Mahkamah Rayuan

DATUK DR. HAJI HAMID SULTAN BIN ABU BACKER
Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya

DATUK DAVID WONG DAK WAH
Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

PUAN AZIZAH BINTI MAHAMUD
Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur

ENCIK LIM CHEE WEE
Peguam Bela, Semenanjung Malaysia

DATUK JOHN SIKAYUN
Peguam Bela, Sabah

ENCIK KHAIRIL AZMI BIN MOHD HASBIE
Peguam Bela, Sarawak

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 17(5) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan seksyen 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955].

CRIMINAL PROCEDURE CODE

CRIMINAL PROCEDURE (RATES OF PAYMENT TO WITNESSES) RULES 2011

IN exercise of the powers conferred by section 428 of the Criminal Procedure Code [Act 593], section 16 of the Courts of Judicature Act 1964 [Act 91] and section 4 of the Subordinate Courts Rules Act 1955 [Act 55], the Rules Committee established under section 17 of the Courts of Judicature Act 1964 and the Subordinate Courts Rules Committee established under section 3 of the Subordinate Courts Rules Act 1955, make the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Criminal Procedure (Rates of Payment to Witnesses) Rules 2011**.

Interpretation

2. In these Rules, “relevant authority” means any authority which conducts investigation in a case.

Non-application

3. These Rules shall not apply to a public servant who is required to attend court as a witness in his official capacity and in such a case, the Treasury Circular No. 3 of 2003 shall apply.

Rates of payment

4. (1) The rates of payment of the expenses and compensation to be ordered under section 427 of the Criminal Procedure Code shall be as specified in the Schedule.

(2) Notwithstanding subrule (1), where a place of residence of a witness is less than fifty kilometres from the court, the witness shall not be entitled to claim any expenses for hotel or lodging.

(3) A witness who travels by air shall be paid an economy class air fare, either one-way or return, as the case may be.

Expert witness

5. (1) A witness who gives a statement as an expert in court may be paid a fee of one hundred ringgit in addition to the expenses and compensation payable to him under these Rules.

(2) The court shall determine whether a witness is giving a statement as an expert or otherwise.

Witness may be accompanied by parent, relative or guardian

6. (1) A witness –

- (a) under the age of eighteen years;
- (b) with disability; or
- (c) with illness,

may be accompanied by his parent, one relative or one guardian, and the parent, relative or guardian may be paid the same amount of rates of payment to the witness as specified in the Schedule as if the parent, relative or guardian was himself a witness.

(2) A witness with disability referred to in paragraph (1)(b) shall be a person who falls within the definition of persons with disabilities under the Persons With Disabilities Act 2008 [Act 685].

Payment of expenses and compensation

7. (1) The payment of the expenses and compensation referred to in rules 4 and 6, and the payment of fee referred to in rule 5 shall be made to the witness or to the parent, relative or guardian of the witness, as the case may be, by the relevant authority.

(2) The relevant authority shall, before making any payment under subrule (1), require the witness or the parent, relative or guardian of the witness, as the case may be, to submit a summons to a witness which has been endorsed by the court as proof of attendance or any other relevant documents to support the claims made.

Maintenance of register

8. The relevant authority shall maintain a register of any payment, particulars, documents and any other matters in relation to these Rules in the manner as the relevant authority may determine.

Construction of references to witnesses fees

9. All references to witnesses fees in any written laws or documents shall, on the coming into operation of these Rules, be construed as references to the rates of payment to witnesses.

Revocation

10. The Criminal Procedure (Witnesses Fees) Rules 1954 published in *L.N. 658/1954* are revoked.

SCHEDULE

(Rule 4)

EXPENSES			COMPENSATION
MILEAGE FOR TRAVELLING (RM)	HOTEL RATE PER DAY (RM) (PENINSULAR MALAYSIA / SABAH AND SARAWAK)	LODGING PER DAY (RM) (PENINSULAR MALAYSIA / SABAH AND SARAWAK)	RATES OF PAYMENT PER DAY (RM) (PENINSULAR MALAYSIA / SABAH AND SARAWAK)
0.50 cents per kilometre or actual rate based on the receipts for taxi /bus /train fare only	According to the actual rate but not exceeding 160.00 / 170.00	55.00 / 60.00	50.00 / 65.00

Made 8 September 2011
 [JK/MP 322 Jld. 10; PN(PU2) 224/VI]

TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
Chief Justice, Malaysia

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL
Attorney General, Malaysia

TAN SRI ARIFIN BIN ZAKARIA
Chief Judge of the High Court in Malaya

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM
Chief Judge of the High Court in Sabah and Sarawak

TAN SRI JAMES FOONG CHENG YUEN
Judge of the Federal Court

DATO' JEFFREY TAN KOK WHA
Judge of the Court of Appeal

DATUK DR. HAJI HAMID SULTAN BIN ABU BACKER
Judge of the High Court in Malaya

DATUK DAVID WONG DAK WAH
Judge of the High Court in Sabah and Sarawak

PUAN AZIZAH BINTI MAHAMUD
Senior Sessions Court Judge, Kuala Lumpur

ENCIK LIM CHEE WEE
Advocate, Peninsular Malaysia

DATUK JOHN SIKAYUN
Advocate, Sabah

ENCIK KHAIRIL AZMI BIN MOHD HASBIE
Advocate, Sarawak

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 17(5) of the Courts of Judicature Act 1964 and section 8 of the Subordinate Courts Rules Act 1955].